



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

GARIS PANDUAN

PENGURUSAN PENYALURAN PERUNTUKAN DAN

PEMBAYARAN ELAUN BULANAN

GURU KAFA DI SELURUH MALAYSIA

NOVEMBER 2024

ISI KANDUNGAN

TUJUAN	5
LATAR BELAKANG	5
TAKRIFAN	6
TANGGUNGJAWAB JAKIM.....	8
TANGGUNGJAWAB ICU JPM DAN PPN/PPN	9
TATACARA PENYALURAN PERUNTUKAN BAGI ELAUN BULANAN GURU KAFA.....	9
TATACARA PEMBAYARAN BAGI ELAUN BULANAN GURU KAFA DAN GURU GANTI KAFA.....	10
Penyimpanan Rekod Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA	10
Penyimpanan Rekod Pembayaran Elaun Guru Ganti KAFA.....	10
Kaedah Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA	11
Kaedah Pembayaran Elaun Guru Ganti KAFA.....	12
Kaedah Pembayaran melalui Arahan Pembayaran Gaji Berasingan	12
Pembayaran bagi Guru KAFA yang Meninggal Dunia/Meletak Jawatan/ Ditamatkan Perkhidmatan	13
Proses Penamatan Bayaran Elaun Bulanan Guru KAFA	14
Proses Pemberhentian Sementara Bayaran Elaun Bulanan Guru KAFA.....	16
Proses Permohonan Potongan dari Elaun Bulanan Guru KAFA.....	17
Penyata Gaji.....	17
PELANTIKAN DAN TUGAS GURU KAFA	17
Pelantikan Guru KAFA	17
Syarat Kelayakan Guru KAFA	18
Tempoh Lantikan Guru KAFA	19
Tempoh Bekerja Guru KAFA.....	19
Notis Perletakan Jawatan Guru KAFA	19
Penempatan dan Pertukaran Guru KAFA	19
Tindakan Tatatertib Guru KAFA	20
Penamatan Perkhidmatan Guru KAFA.....	20
KELAYAKAN PEMBAYARAN ELAUN BULANAN GURU KAFA DAN GURU GANTI KAFA.....	21
Elaun Guru KAFA.....	21
Elaun Guru Ganti KAFA	22
Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi Pelantikan Guru KAFA	23
Pembayaran Elaun Tambahan dan Lain-lain Tuntutan	23
KELAYAKAN CUTI	24
Guru KAFA.....	24
Guru Ganti KAFA	25
PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)	25

PELAPORAN	26
SENARAI SEMAK, CARTA ALIR DAN BORANG BERKAITAN	27
PINDAAN	27
PEMAKAIAN	27
TARIKH KUATKUASA.....	27
SENARAI LAMPIRAN.....	31
Lampiran A: Senarai Agensi Pelaksana di Negeri.....	32
Lampiran B: Peringatan Tarikh-Tarikh Penting bagi Pembayaran Elaun Guru Kafa	33
Lampiran C(i): Proses Kunci Masuk Kali Pertama / Perubahan Elaun Guru Kafa melalui Sistem iGFMAS HCM (Sistem Gaji).....	34
Lampiran C(ii): Pergerakan Dokumen HCM.....	35
Lampiran C(iii): Senarai Semak Dokumen bagi Tujuan Kunci Masuk Borang Kew.320 dan Perubahan Gaji	36
Lampiran D(i): Proses Bayaran Arahan Pembayaran Gaji Berasingan bagi Guru Kafa Melalui Sistem iGFMAS K6 - Modul Pendapatan Bercukai (Lantikan Baharu atau Terlepas Tarikh Larian Gaji Semasa).....	37
Lampiran D(ii): Borang Senarai Semak Modul Pendapatan Bercukai	38
Lampiran D(iii): Senarai Semak Dokumen bagi Tujuan Kunci Masuk Arahan Pembayaran Gaji Berasingan bagi Pegawai Lantikan Baharu / Kali Pertama.....	39
Lampiran E(i): Proses Bayaran dan Caruman KWSP / PERKESO bagi Guru Kafa melalui Sistem iGFMAS K6 - Modul Pendapatan Bercukai dan Portal KWSP / PERKESO (Lantikan Baru atau Terlepas Tarikh Larian Gaji Semasa)	40
Lampiran E(ii): Borang Senarai Semak Modul Caruman KWSP	41
Lampiran E(iii): Senarai Semak Dokumen bagi Tujuan Kunci Masuk Arahan Pembayaran dan Pengisian dalam Portal KWSP / PERKESO	42
SENARAI BORANG.....	43
Borang A: Borang Permohonan Cuti Rehat Khas Guru KAFA (JAKIM(PKAFA)/ CRK/007)	44
Borang B: Borang Permohonan Cuti Tanpa Elaun Guru KAFA (JAKIM(PPKAFA)/ CTE/008).....	45
Borang C(i): Laporan Pengurusan Akaun Belum Terima Secara Bulanan (ABT) Akaun Kawalan Akaun Belum Terima (SPANM Bil.3/2019 - Lampiran E5).....	48
Borang C(ii): Laporan Pengurusan Akaun Belum Terima Secara Bulanan (ABT) Akaun Subsidiari Akaun Belum Terima (SPANM Bil.3/2019 - Lampiran E6).....	49
Borang C(iii): Laporan Pengurusan Akaun Belum Terima Secara Bulanan (ABT) Pengurusan Akaun Belum Terima (WP 10.6 – Lampiran A)	50
Borang D: Laporan Bulanan Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA Negeri.....	54
Borang E: Laporan Data Bersih (<i>Clean Data</i>) Guru KAFA (Format Excel).....	55

MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN
(ICU JPM)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYALURAN PERUNTUKAN DAN PEMBAYARAN ELAUN BULANAN GURU KAFA DI SELURUH MALAYSIA

TUJUAN

1. Garis Panduan Pengurusan Penyaluran Peruntukan dan Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA di seluruh Malaysia ini merupakan rujukan dan panduan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN, ICU JPM) / Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN, ICU JPM) dalam melaksana dan menyelaraskan pembayaran elaun bulanan Guru KAFA di seluruh Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. **Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 17 Januari 1989** bersetuju supaya rancangan kelas al-Quran dan Fardhu Ain diadakan bagi kanak-kanak yang **berumur tujuh (7) tahun hingga dua belas (12) tahun**.
3. **Mesyuarat Jemaah Menteri** yang bersidang pada **13 September 1989** telah meluluskan pelaksanaan **Program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)**.
4. Pada awal tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Program KAFA untuk memperkukuh murid Islam supaya membaca al-Quran dengan baik dan membentuk kemenjadian murid yang cemerlang dunia dan akhirat.
5. Peruntukan untuk bayaran elaun bulanan Guru KAFA tersebut disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

6. Walau bagaimanapun, **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Januari 2024** telah bersetuju supaya peruntukan kepada Institusi-institusi Agama Islam di negeri-negeri termasuklah pendidikan prasekolah tidak lagi disalurkan melalui Kerajaan Negeri. Sebaliknya, perkara ini akan diselaraskan institusi-institusi berkaitan iaitu secara bersama oleh JAKIM, ICU JPM, Kementerian Kewangan (MoF) dan KPM.
7. YAB Perdana Menteri seterusnya pada **4 April 2024** memutuskan supaya **ICU JPM** menyelaraskan penyaluran bayaran imbuhan/elaun imam, Guru KAFA dan Guru Takmir bagi **kesemua 14 negeri** di seluruh Malaysia bagi memperkemas tatakelola penyaluran peruntukan.

TAKRIFAN

8. Bagi tujuan Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –
 - (a) **“Agensi Pelaksana”** bermaksud Pihak Berkuasa Agama di negeri atau pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan KAFA di negeri berkenaan;
 - (b) **“Daerah”** bermaksud daerah atau jajahan atau Parlimen atau bahagian sesebuah negeri;
 - (c) **“Garis Panduan”** bermaksud Garis Panduan Pengurusan Penyaluran Peruntukan dan Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA di seluruh Malaysia;
 - (d) **“Guru Ganti”** bermaksud guru yang dilantik oleh Agensi Pelaksana sama ada dalam kalangan Guru KAFA merujuk **Peraturan 39.4** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM atau mana-mana orang berkeelayakan bagi menggantikan Guru KAFA yang mengambil cuti yang dibenarkan dan diluluskan;
 - (e) **“Guru KAFA”** bermaksud guru yang dilantik oleh Agensi Pelaksana di bawah **Peraturan 31.1** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM dan menerima elaun daripada JAKIM;

- (f) **“Guru Penyelaras”** bermaksud Guru Besar, pentadbir Premis atau Guru KAFA yang dilantik oleh Agensi Pelaksana di bawah **Peraturan 47.1** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM bagi mengetuai Guru-Guru KAFA di sesebuah Premis;
- (g) **“KAFA”** bermaksud Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain yang berdaftar dengan Agensi Pelaksana dan mengguna pakai Kurikulum, buku teks, peperiksaan dan pentaksiran Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan mengikut jadual waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang ditetapkan oleh JAKIM;
- (h) **“Kawasan Pedalaman”** bermaksud kawasan yang terpencil yang jauh dari pantai atau terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri sama ada di Semenanjung Malaysia atau Sabah atau Sarawak;
- (i) **“Ketua Agensi Pelaksana”** bermaksud Ketua bagi Pihak Berkuasa Agama di negeri atau pihak-pihak lain yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelaksanaan KAFA di negeri;
- (j) **“Kontrak”** bermaksud mana-mana Guru KAFA yang diterima berkhidmat di bawah **Peraturan 31.1** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM adalah tidak dianggap sebagai pegawai awam mengikut undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa dan tidak mengikut apa-apa terma kontrak seperti yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan (bukan pegawai perkhidmatan awam) kecuali apa-apa peraturan yang disebutkan dalam Peraturan ini;
- (k) **“Kurikulum”** bermaksud Kurikulum KAFA yang digubal oleh JAKIM dan diluluskan oleh Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI);
- (l) **“Pegawai Tadbir Agama Daerah”** bermaksud pegawai tertinggi, dengan apa jua nama atau gelarannya, yang mengetuai mana-mana Pejabat Agama Islam di daerah;
- (m) **“Pejabat Pembangunan Negeri (PPN, ICU JPM)”** bermaksud PPN Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan;

- (n) **“Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN, ICU JPM)”** bermaksud PPPN Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu;
- (o) **“Penyelia KAFA”** bermaksud pegawai yang dilantik oleh JAKIM berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Kontrak (*Contract of Service*) yang bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan KAFA serta tertakluk kepada pekeliling-pekeliling penjawat awam yang sedang berkuat kuasa;
- (p) **“Premis”** bermaksud mana-mana tempat atau sekolah yang berdaftar dengan Agensi Pelaksana dan digunakan bagi tujuan pelaksanaan KAFA; dan
- (q) **“Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)”** bermaksud ICU JPM Ibu Pejabat di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

TANGGUNGJAWAB JAKIM

9. Tanggungjawab JAKIM bagi tujuan penyelarasan peruntukan dan pembayaran elaun bulanan Guru KAFA adalah seperti berikut:
 - (a) **menentukan dasar pelaksanaan Guru KAFA** di seluruh Malaysia serta **merancang, menyelaras, melaksana dan memastikan pelaksanaan pengurusan Guru KAFA** selaras **Peraturan 5** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM;
 - (b) membuat **unjuran** keperluan peruntukan dan memohon peruntukan tahunan di bawah **Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Tahunan** dari Kementerian Kewangan (MoF) bagi tujuan penyaluran peruntukan kepada ICU JPM dan pembayaran oleh PPN/PPPN; dan
 - (c) membuat **penyaluran peruntukan secara sukuan tahun** kepada ICU JPM **selewat-lewatnya pada minggu pertama** setiap sukuan tahun berdasarkan **data bersih (*clean data*)** yang telah **disahkan oleh JAKIM** (tertakluk kepada penyaluran peruntukan oleh MoF).

TANGGUNGJAWAB ICU JPM DAN PPN/PPPN

10. Tanggungjawab ICU JPM dan PPN/PPPN bagi tujuan penyelarasan peruntukan dan pembayaran elaun bulanan Guru KAFA adalah seperti berikut:
 - (a) berperanan sebagai pusat pembayar yang **menguruskan hal-hal berkaitan kewangan Guru KAFA** meliputi penyaluran peruntukan dan pembayaran elaun bulanan Guru KAFA termasuk Guru Ganti KAFA serta Bantuan Khas Kewangan/ Bantuan Insentif Kewangan atau apa-apa bayaran bagi maksud yang sama di bawah Kerajaan Persekutuan;
 - (b) memastikan **penyediaan laporan-laporan** seperti Laporan Pembayaran Elaun, Laporan Akaun Belum Terima (ABT) dan membuat kutipan balik ABT (sekiranya ada); dan
 - (c) memastikan **pengurusan dan penyimpanan rekod Guru KAFA** dibuat secara **teratur dan mudah dirujuk**.

TATACARA PENYALURAN PERUNTUKAN BAGI ELAUN BULANAN GURU KAFA

11. Peruntukan untuk bayaran elaun bulanan Guru KAFA akan disediakan oleh **Kerajaan Persekutuan** dan **disalurkan melalui JAKIM kepada ICU JPM**.
12. Peruntukan bayaran elaun bulanan Guru KAFA adalah peruntukan **perbelanjaan tahun semasa** sahaja. Tunggakan elaun bulanan Guru KAFA (bagi lantikan baharu) yang melangkaui tahun akan dibayar menggunakan peruntukan tahun berikutnya tertakluk kepada peraturan dan pekeliling kewangan semasa yang berkuatkuasa. Sebarang tunggakan **sebelum tarikh berkuat kuasanya Garis Panduan** ini hendaklah diselesaikan oleh **Agensi Pelaksana**.
13. JAKIM akan membuat **penyaluran peruntukan secara sukuan tahun** kepada ICU JPM berdasarkan **unjuran oleh JAKIM selewat-lewatnya pada minggu pertama** setiap sukuan tahun (tertakluk kepada penyaluran peruntukan oleh MoF) bagi tujuan bayaran elaun Guru KAFA seperti jadual berikut:
 - (a) Suku Pertama (Januari-Mac);
 - (b) Suku Kedua (April-Jun);

- (c) Suku Ketiga (Julai-September); dan
 - (d) Suku Keempat (Oktober-Disember).
14. **ICU JPM** akan menyalurkan **peruntukan sukuan tahun secara subwaran** kepada **PPN/PPPN** berdasarkan kepada **data bersih (*clean data*)** yang **disahkan oleh JAKIM**.
 15. Sebarang **ketidakcukupan** atau **lebih peruntukan** hendaklah dilaporkan oleh PPN/PPPN dari semasa ke semasa kepada ICU JPM.
 16. Sekiranya berlaku **lebih peruntukan** bagi tahun semasa, ICU JPM akan **mengembalikannya** kepada JAKIM dalam **suku keempat (Oktober – Disember)**.

TATACARA PEMBAYARAN BAGI ELAUN BULANAN GURU KAFA DAN GURU GANTI KAFA

Penyimpanan Rekod Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA

17. PPN/PPPN hendaklah menyimpan **rekod Guru KAFA** bagi dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
 - (a) salinan kad pengenalan Guru KAFA yang disahkan;
 - (b) salinan penyata akaun bank Guru KAFA yang disahkan;
 - (c) surat pelantikan sebagai Guru KAFA atau apa-apa dokumen lain bagi maksud yang sama;
 - (d) salinan penyata KWSP yang disahkan; dan
 - (e) dokumen-dokumen yang berkaitan berdasarkan keperluan proses pembayaran elaun bulanan Guru KAFA.

Penyimpanan Rekod Pembayaran Elaun Guru Ganti KAFA

18. PPN/PPPN hendaklah menyimpan **rekod Guru Ganti KAFA** bagi dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- (a) salinan kad pengenalan Guru Ganti KAFA yang disahkan;
- (b) salinan penyata akaun bank Guru Ganti KAFA yang disahkan;
- (c) surat pelantikan sebagai Guru Ganti KAFA atau apa-apa dokumen lain bagi maksud yang sama;
- (d) salinan penyata KWSP yang disahkan; dan
- (e) dokumen-dokumen yang berkaitan berdasarkan keperluan proses pembayaran elaun Guru Ganti KAFA.

Kaedah Pembayaran Elaun Bulanan Guru KAFA

19. PPN/PPPN hendaklah memproses bayaran elaun Guru KAFA berdasarkan **data bersih (*clean data*)** yang telah **disahkan oleh Agensi Pelaksana** bermula daripada **tarikh berkuat kuasanya** Garis Panduan ini.
20. Kaedah pembayaran bagi Guru KAFA hendaklah dibuat secara larian ***regular cycle*** melalui **sistem iGFMAS Modul Human Capital Management (HCM)** berdasarkan kepada **Jadual Larian Gaji Tahunan** mengikut ketetapan tarikh oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di peringkat negeri.
21. Kod pendapatan yang digunakan bagi pembayaran elaun Guru KAFA ialah **1397 – Elaun Guru KAFA**.
22. Sekiranya pembayaran elaun bulanan Guru KAFA **tidak sempat dikunci masuk** dalam larian *regular cycle*, PPN/PPPN perlu membuat tindakan seperti berikut:
 - (a) mengunci masuk data elaun larian *late cycle* (tertakluk kepada JANM Negeri); atau
 - (b) melaksanakan bayaran secara Arahan Pembayaran Gaji Berasingan tertakluk kepada kelulusan JANM Negeri; atau
 - (c) mengunci masuk data elaun dalam larian *regular cycle* bulan berikutnya (bayaran secara tunggakan).

23. Pembayaran elaun bulanan Guru KAFA dibuat berdasarkan kepada **Carta Alir** dan **Senarai Semak Dokumen Pembayaran** seperti di **Lampiran C (i), (ii) dan (iii)**.

Kaedah Pembayaran Elaun Guru Ganti KAFA

24. Pembayaran elaun Guru Ganti KAFA hanya boleh dibayar setelah Guru Ganti KAFA melaksanakan sepenuhnya tugas yang diganti pada bulan tersebut.
25. Kaedah pembayaran bagi Guru Ganti KAFA hendaklah dibuat secara **Arahan Pembayaran Gaji Berasingan** melalui **sistem iGFMAS Modul K6 - Invois Pendapatan Bercukai** dan akan diproses oleh PPN/PPPN dalam tempoh **tujuh (7) hari** daripada dokumen lengkap diterima. Permohonan kelulusan Arahan Pembayaran Gaji Berasingan adalah tertakluk kepada JANM Negeri masing-masing.
26. Pembayaran elaun bagi Guru Ganti KAFA yang juga merupakan Guru KAFA sedia ada boleh dibayar menggunakan **sistem iGFMAS Modul HCM** di mana elaun Guru Ganti KAFA tersebut dibayar bersekali dengan elaun Guru KAFA sedia ada. PPN/PPPN juga boleh membayar elaun Guru Ganti KAFA menggunakan kaedah seperti di **Perenggan 25**.
27. Kod bayaran yang digunakan bagi pembayaran elaun Guru Ganti KAFA ialah **B0442999 – Pemberian dan Bantuan Lain**.
28. Pembayaran elaun Guru Ganti KAFA dibuat berdasarkan kepada **Carta Alir** dan **Senarai Semak Dokumen Pembayaran** seperti di **Lampiran D (i), (ii) dan (iii)** serta **Lampiran E (i), (ii) dan (iii)**.

Kaedah Pembayaran Melalui Arahan Pembayaran Gaji Berasingan

29. Selaras dengan Surat Pekeliling Akaun Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 Tahun 2020 (Para 5.1.3), sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Arahan Pembayaran bagi situasi tertentu, kebenaran dan kelulusan JANM Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
30. Tertakluk kepada kelulusan JANM Negeri, PPN/PPPN boleh membuat **pembayaran elaun menggunakan Arahan Pembayaran Gaji Berasingan** bagi kes-kes berikut:

- (a) lantikan Guru KAFA baharu yang tidak sempat dikunci masuk dalam sistem HCM pada bulan tersebut; atau
- (b) Guru Ganti KAFA; atau
- (c) kelewatan menerima Laporan Perubahan Elaun; atau
- (d) penolakan elaun oleh bank (*Electronic Funds Transfer reject/Account Closed*); atau
- (e) bayaran elaun kepada waris gemulah (sekiranya proses larian imbuhan oleh JANM belum dilaksanakan); atau
- (f) arahan pembayaran oleh JANM Negeri dari semasa ke semasa.

Pembayaran bagi Guru KAFA yang Meninggal Dunia/Meletak Jawatan/ Ditamatkan Perkhidmatan

- 31. Mana-mana Guru KAFA yang **meninggal dunia** sebelum genap tempoh sebulan bertugas, layak **dibayar penuh** bagi bulan berkenaan selaras dengan **Peraturan 42.4** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM.
- 32. Mana-mana Guru KAFA yang meletakkan jawatan dan telah melengkapkan **notis 30 hari** layak dibayar mengikut jumlah jam bekerja pada bulan tersebut.
- 33. Mana-mana Guru KAFA yang **meletak jawatan** sebelum genap tempoh sebulan bertugas **tidak layak dibayar penuh** bagi bulan berkenaan kerana kegagalan mematuhi **notis 30 hari** peletakan jawatan/berhenti.
- 34. Mana-mana Guru KAFA yang **ditamatkan perkhidmatan dengan notis kurang 30 hari oleh Agensi Pelaksana** akan dibayar **satu (1) bulan elaun sebagai ganti notis tersebut** tertakluk pada **Peraturan 46** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM.
- 35. **Agensi Pelaksana** perlu memaklumkan kepada PPN/PPPN dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** sekiranya terdapat Guru KAFA yang **meninggal dunia, meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan** bagi proses tahan gaji serta pembayaran semula gaji berdasarkan kelayakan.

36. **Agensi Pelaksana** perlu mengemukakan **dokumen-dokumen sokongan** kepada **PPN/PPPN** bagi tindakan penamatan bayaran bagi Guru KAFA yang meninggal dunia, meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan seperti berikut:
- (a) sijil kematian / surat persaraan / surat peletakan jawatan / surat penamatan perkhidmatan; dan
 - (b) Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) atau apa-apa dokumen lain bagi maksud yang sama.

Proses Penamatan Bayaran Elaun Bulanan Guru KAFA

37. Penamatan bayaran elaun bulanan Guru KAFA boleh terjadi sekiranya Guru KAFA:
- (a) meninggal dunia;
 - (b) meletakkan jawatan;
 - (c) ditamatkan perkhidmatan; atau
 - (d) lain-lain situasi yang menyebabkan elaun ditamatkan sepenuhnya kepada Guru KAFA.
38. Bagi tujuan **penamatan bayaran** elaun bulanan Guru KAFA, PPN/PPPN perlu melaksanakan tindakan berdasarkan kepada situasi berikut:
- (a) **Sebelum Proses Larian Gaji oleh JANM**

PPN/PPPN perlu melaksanakan **tindakan penamatan** dalam sistem iGFMAS Modul HCM.
 - (b) **Selepas Selesai Proses Larian Gaji oleh JANM**
 - (i) PPN/PPPN perlu membuat **permohonan tahan gaji di bank** kepada JANM Negeri **selewat-lewatnya empat (4) hari bekerja sebelum tarikh pembayaran gaji** dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:

- surat permohonan tahan gaji di bank berserta justifikasi permohonan;
 - Penyata Gaji bulan berkenaan (bulan tahan gaji); dan
 - dokumen sokongan yang berkaitan.
- (ii) sekiranya tahan gaji tersebut **berjaya dilaksanakan** oleh bank, pihak JANM Negeri akan memaklumkan kepada PPN/PPPN untuk mengambil tindakan **menyediakan Baucar Jurnal/ Penyata Pemungut (yang mana berkenaan mengikut arahan JANM Negeri)**. Sekiranya Guru KAFA tersebut layak dibayar semula, PPN/PPPN perlu menyediakan Arahan Pembayaran;
- (iii) sekiranya tindakan tahan imbuhan **gagal dilaksanakan** oleh bank bagi **Guru KAFA yang meninggal dunia**, PPN/PPPN perlu memastikan imbuhan tidak dibuat kepada pegawai/ waris gemulah memandangkan proses larian gaji pada bulan tersebut telah selesai;
- (iv) sekiranya tindakan tahan imbuhan **gagal dilaksanakan** oleh bank bagi **Guru KAFA yang meletak jawatan, ditamatkan perkhidmatan atau lain-lain situasi yang menyebabkan elaun ditamatkan sepenuhnya**, PPN/PPPN perlu membuat kutipan balik daripada Guru KAFA dan **mengemaskini rekod ABT seperti Perenggan 87 hingga 90**;
- (v) sekiranya **pemakluman** meninggal dunia, meletak jawatan, ditamatkan perkhidmatan atau lain-lain situasi yang menyebabkan elaun ditamatkan sepenuhnya **lewat dimaklumkan oleh Agensi Pelaksana** yang telah menyebabkan elaun dibayar bagi bulan-bulan yang tidak layak dibayar, permohonan **tahan gaji hanya boleh dibuat bagi gaji bulan semasa sahaja**. Manakala **tindakan mengutip balik elaun yang tidak layak juga perlu dilaksanakan** oleh PPN/PPPN serta mengemaskini rekod Akaun Belum Terima (ABT) seperti di **Perenggan 87 hingga 90**; dan
- (vi) PPN/PPPN hendaklah memastikan kutipan penuh diterima bagi setiap pembayaran elaun yang tidak layak.

Proses Pemberhentian Sementara Bayaran Elaun Bulanan Guru KAFA

39. Pemberhentian sementara bayaran elaun bulanan Guru KAFA boleh terjadi sekiranya Guru KAFA:

- (a) cuti melebihi kelayakan tertakluk **Perenggan 82**;
- (b) cuti bersalin; atau
- (c) lain-lain situasi yang menyebabkan elaun diberhentikan sementara kepada Guru KAFA.

40. Bagi tujuan **pemberhentian sementara** bayaran elaun bulanan Guru KAFA, PPN/PPPN perlu melaksanakan tindakan berdasarkan kepada situasi berikut:

(a) Sebelum Proses Larian Gaji oleh JANM

PPN/PPPN perlu melaksanakan **tindakan keluar sistem sementara** dalam sistem iGFMS Modul HCM.

(b) Selepas Selesai Proses Larian Gaji oleh JANM

(i) PPN/PPPN perlu membuat **permohonan tahan gaji di bank** kepada JANM Negeri **selewat-lewatnya empat (4) hari bekerja sebelum tarikh pembayaran gaji** dengan mengemukakan dokumen seperti berikut:

- surat permohonan tahan gaji di bank berserta justifikasi permohonan;
- Penyata Gaji bulan berkenaan (bulan tahan gaji); dan
- dokumen sokongan yang berkaitan.

(ii) sekiranya tahan gaji tersebut **berjaya dilaksanakan** oleh bank, pihak JANM Negeri akan memaklumkan kepada PPN/PPPN untuk mengambil tindakan **menyediakan Baucar Jurnal/ Penyata Pemungut (yang mana berkenaan mengikut arahan JANM Negeri)**;

- (iii) sekiranya tindakan tahan gaji **gagal dilaksanakan** oleh bank, **PPN/PPPN perlu membuat kutipan balik daripada Guru KAFA** dan mengemaskini rekod Akaun Belum Terima (ABT) seperti di **Perenggan 87 hingga 90**;
- (iv) sekiranya **pemakluman** pemberhentian sementara **lewat dimaklumkan oleh Agensi Pelaksana** yang telah menyebabkan elaun dibayar bagi bulan-bulan selepas Guru KAFA tidak bekerja, permohonan **tahan gaji hanya boleh dibuat bagi elaun bulan semasa sahaja**. Manakala **tindakan mengutip balik elaun yang tidak layak (bulan selepas Guru KAFA tidak bekerja) juga perlu dilaksanakan** oleh PPN/PPPN serta mengemaskini rekod Akaun Belum Terima (ABT) seperti di **Perenggan 87 hingga 90**; dan
- (v) PPN/PPPN hendaklah memastikan kutipan penuh diterima bagi setiap pembayaran elaun yang tidak layak.

Proses Permohonan Potongan dari Elaun Bulanan Guru KAFA

- 41. Tertakluk kepada keputusan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Penyata Gaji

- 42. Guru KAFA boleh mendapatkan penyata elaun yang dibayar oleh PPN/PPPN dengan mengakses portal Sistem e-Penyata Gaji dan Laporan berdasarkan pautan <https://www.anm.gov.my/>.
- 43. Guru KAFA boleh mendapatkan nombor gaji melalui Agensi Pelaksana di negeri.

PELANTIKAN DAN TUGAS GURU KAFA

Pelantikan Guru KAFA

- 44. Agensi Pelaksana boleh melantik **calon yang berkelayakan** dan memenuhi syarat yang ditetapkan untuk dilantik sebagai Guru KAFA dan hendaklah dibuat berdasarkan **kuota** dan **peruntukan kewangan semasa JAKIM**.

45. Pewujudan jawatan Guru KAFA oleh Agensi Pelaksana hendaklah berdasarkan **nisbah 1:30 orang murid** kecuali bagi Kawasan Pedalaman dan kawasan-kawasan tertentu.
46. Bagi Kawasan Pedalaman dan kawasan-kawasan tertentu yang menghadapi kesukaran yang sangat kritikal untuk mendapatkan Guru KAFA, Agensi Pelaksana bolehlah mengemukakan **permohonan kelulusan khas kepada JAKIM** bagi pelantikan Guru KAFA.
47. **Seorang (1) Guru KAFA** hanya boleh dilantik untuk mengajar di **satu (1) Premis sahaja** kecuali sekiranya dilantik sebagai Guru Ganti KAFA tertakluk kepada **Peraturan 39.5** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM.

Syarat Kelayakan Guru KAFA

48. Mana-mana orang layak menjadi Guru KAFA sekiranya memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - (a) seorang warganegara Malaysia;
 - (b) berumur **tidak kurang daripada lapan belas tahun (18) tahun** dan **tidak melebihi empat puluh tahun (40) tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) memiliki **kelulusan** seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu;
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) bagi subjek seperti berikut:
 - (A) Pendidikan Islam; atau
 - (B) Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah; atau
 - (C) Pendidikan Syariah Islamiah; atau
 - (D) Subjek yang setaraf dengan (A), (B) atau (C).
 - (iii) Lulus bagi subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).

49. Bagi Kawasan Pedalaman dan kawasan-kawasan tertentu yang menghadapi kesukaran yang sangat kritikal untuk mendapatkan Guru KAFA, Agensi Pelaksana bolehlah mengemukakan permohonan **kelulusan khas kepada JAKIM** bagi pengecualian **Perenggan 48 (b) dan (c)**.

Tempoh Lantikan Guru KAFA

50. Pelantikan Guru KAFA adalah untuk tempoh **tiga (3) tahun** dan boleh **dilantik semula** dengan perakuan daripada **Ketua Agensi Pelaksana** serta berumur **tidak melebihi enam puluh tahun (60) tahun** dari tarikh kelahiran Guru KAFA.
51. Guru KAFA hendaklah mengemukakan **permohonan secara bertulis** kepada Ketua Pelaksana Agensi untuk **dilantik semula** dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh kontrak pelantikan sebagai Guru KAFA.
52. PPN/PPPN akan **mengunci masuk tarikh tamat kontrak** berdasarkan kontrak semasa sehinggalah pelantikan kontrak baharu dibuat bagi mengelakkan elaun terlebih bayar.

Tempoh Bekerja Guru KAFA

53. Tugas Guru KAFA adalah **minimum 36 jam bekerja sebulan bersamaan 12 hari sebulan** merangkumi hal ehwal pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengurusan peperiksaan serta pentadbiran merujuk **Peraturan 36** Peraturan-peraturan Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Tahun 2022 oleh JAKIM.

Notis Perletakan Jawatan Guru KAFA

54. Guru KAFA boleh pada bila-bila masa meletak jawatan dengan memberi **notis 30 hari secara bertulis** atau dengan membayar kepada Agensi Pelaksana **satu (1) bulan elaun** sebagai ganti notis itu.

Penempatan dan Pertukaran Guru KAFA

55. Penempatan Guru KAFA hendaklah dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana dan boleh ditempatkan di mana-mana daerah di dalam negeri mengikut kuota dan kesesuaian.

56. Guru KAFA yang hendak bertukar antara negeri boleh mengemukakan permohonan pertukaran kepada Agensi Pelaksana di negeri di mana Guru KAFA berkhidmat. Agensi Pelaksana di negeri yang dimohon boleh menerima permohonan pertukaran tersebut tertakluk kepada kekosongan kuota di negeri berkenaan.
57. **Agensi Pelaksana** perlu memaklumkan kepada PPN/PPPN sebarang pertukaran Guru KAFA bagi mengemaskini perubahan data dan pembayaran dalam sistem HCM.

Tindakan Tatatertib Guru KAFA

58. Sekiranya terdapat pelanggaran tatakelakuan oleh Guru KAFA yang disenaraikan dalam Peraturan-peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A)395/1993*], Agensi Pelaksana boleh mengambil tindakan tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan itu.

Penamatan Perkhidmatan Guru KAFA

59. Agensi Pelaksana boleh **menamatkan perkhidmatan** Guru KAFA dan segala hak dan faedah akan tamat serta merta sekiranya Guru KAFA didapati melakukan perkara-perkara berikut:
- (a) melibatkan diri dan mengakses kepada maklumat terperingkat atau disyaki membocorkan rahsia Agensi Pelaksana;
 - (b) terlibat dengan apa-apa kes jenayah atau kesalahan dadah atau didapati mempunyai rekod dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja;
 - (c) membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Kerajaan kepada sesiapa jua termasuklah membuat pernyataan awam khususnya berkaitan sesuatu dasar Kerajaan sama ada secara lisan, bertulis atau apa-apa cara;
 - (d) gagal mematuhi apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran, syarat perkhidmatan atau peruntukan surat perjanjian atau apa-apa peraturan lain yang dibenarkan;
 - (e) perkhidmatan yang diberikan gagal atau tidak mencapai standard yang ditetapkan JAKIM dan Agensi Pelaksana; atau

- (f) gagal hadir bertugas pada bila-bila masa tanpa alasan yang munasabah pada masa dan tempat yang ditetapkan; dan
 - (g) melanggar mana-mana tatakelakuan yang disenaraikan dalam Peraturan-peraturan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993] yang boleh dikenakan tindakan buang kerja.
60. Penamatan atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam **Perenggan 59 (a) hingga (d) adalah dengan serta merta** dengan memberikan notis bertulis kepada Guru KAFA. Penamatan atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam **Perenggan 59 (e) hingga (g) boleh dibuat dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari** secara bertulis kepada Guru KAFA.
61. Walau apa pun **Perenggan 59 dan Perenggan 60**, JAKIM dan Agensi Pelaksana boleh **menamatkan perkhidmatan Guru KAFA pada bila-bila masa** atas apa-apa sebab yang difikirkan wajar oleh JAKIM dan Agensi Pelaksana dengan memberikan **notis tiga puluh (30) hari secara bertulis** dengan membayar kepada Guru KAFA satu (1) bulan elaun sebagai ganti notis itu tanpa memberikan apa-apa alasan.

KELAYAKAN PEMBAYARAN ELAUN BULANAN GURU KAFA DAN GURU GANTI KAFA

Elaun Guru KAFA

62. Elaun Guru KAFA hendaklah **dibayar secara tetap mengikut bulan** dan tertakluk kepada **kadar yang ditetapkan oleh JAKIM** serta apa-apa perubahan dari semasa ke semasa.
63. Guru KAFA adalah **layak** untuk dibayar elaun sekiranya waktu persekolahan KAFA jatuh pada hari cuti umum, cuti penggal persekolahan, cuti kelepaan am negeri dan Persekutuan termasuklah cuti peristiwa, cuti kuarantin dan cuti disebabkan peperiksaan.
64. Bagi Guru KAFA yang waktu **kurang daripada 36 jam sebulan dan kurang 12 hari sebulan** pembayaran elaun adalah seperti kiraan yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah jam bekerja}}{36 \text{ jam}} \times \text{Elaun Sebulan} = \text{Jumlah bayaran elaun bulanan kepada Guru KAFA}$$

65. Pengiraan elaun bulanan tertakluk kelayakan cuti Guru KAFA.
66. Guru KAFA yang bertugas pada sesi yang lain atau bertugas di Premis yang lain **boleh dilantik sebagai guru ganti** dengan syarat ia tidak mengganggu tugas hakikinya sebagai Guru KAFA di Premis tempat dia ditugaskan.
67. Tuntutan elaun Guru KAFA hendaklah menggunakan **Laporan Kehadiran Bertugas Guru KAFA (JAKIM(PKAFA)/LKB/006)** dan mengemukakan kepada Penyelia KAFA di daerah tertakluk kepada Agensi Pelaksana di negeri masing-masing.
68. Agensi Pelaksana di negeri perlu menyerahkan **Laporan Data Bersih (Clean Data)** Guru KAFA kepada PPN/PPPN **tujuh (7) hari sebelum tarikh larian gaji berdasarkan Jadual Larian Gaji** yang akan dikeluarkan oleh JANM Negeri.
69. Tatacara pembayaran elaun ini perlu dibuat mengikut carta alir dan dokumen sokongan yang lengkap perlu diserahkan oleh **Agensi Pelaksana di negeri kepada PPN/PPPN selewat-lewatnya 10 haribulan bulan berikutnya.**
70. Cara-cara pengiraan adalah seperti di **Soalan Lazim.**

Elaun Guru Ganti KAFA

71. Elaun Guru Ganti KAFA hendaklah **dibayar mengikut bulan** dan tertakluk kepada **kadar yang ditetapkan oleh JAKIM** serta apa-apa perubahan dari semasa ke semasa.
72. Pembayaran elaun Guru Ganti KAFA adalah seperti kiraan yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah jam bekerja}}{36 \text{ jam}} \times \text{Elaun Sebulan} = \text{Jumlah bayaran kepada Guru Ganti KAFA}$$

73. Agensi Pelaksana boleh **melantik Guru Ganti KAFA** semasa ketiadaan Guru KAFA dalam **tempoh yang panjang** (melebihi 12 hari bekerja) seperti cuti bersalin, cuti menunaikan haji, cuti sakit dan lain-lain cuti yang diluluskan oleh Agensi Pelaksana di negeri.
74. **Kadar bayaran maksimum Guru Ganti KAFA** hendaklah **tidak melebihi kadar elaun sebulan** yang ditetapkan bagi Guru KAFA.

75. Tuntutan elaun Guru Ganti KAFA hendaklah menggunakan **Laporan Kehadiran Guru Ganti KAFA (JAKIM(PKAFA)/LKB/006)** dan mengemukakan kepada Penyelia KAFA di daerah tertakluk kepada Agensi Pelaksana di negeri masing-masing.
76. PPN/PPPN boleh memohon keperluan peruntukan tambahan melalui ICU JPM bagi bayaran elaun Guru Ganti KAFA sekiranya peruntukan semasa yang disalurkan adalah tidak mencukupi.
77. Tatacara pembayaran elaun ini perlu dibuat mengikut carta alir dan dokumen sokongan yang lengkap perlu diserahkan oleh **Agensi Pelaksana di negeri kepada PPN/PPPN selewat-lewatnya 10 haribulan bulan berikutnya.**
78. Cara-cara pengiraan adalah seperti di **Soalan Lazim.**

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi Pelantikan Guru KAFA

79. **PPN/PPPN** hendaklah mencarum **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** dan **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** bagi setiap Guru KAFA dan Guru Ganti KAFA yang dilantik sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pembayaran Elaun Tambahan dan Lain-lain Tuntutan

80. Pengurusan pembayaran **Bantuan Khas Kewangan/Bantuan Insentif Kewangan atau apa-apa bayaran bagi maksud yang sama oleh Kerajaan Persekutuan** kepada Guru KAFA dilaksanakan oleh **PPN/PPPN** tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam pekeliling dan garis panduan Agensi Pelaksana berkaitan.
81. Elaun tambahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri serta lain-lain tuntutan seperti tuntutan elaun perjalanan, bayaran pengurusan pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan sebagainya akan **kekal dibayar oleh Agensi Pelaksana** di negeri tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

KELAYAKAN CUTI

Guru KAFA

82. Guru KAFA layak mendapat kemudahan cuti seperti berikut:

(a) **Cuti berelaun:**

- (i) **Cuti Rehat Khas (CRK)** selama tujuh (7) hari setahun setelah mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab mengikut mana-mana yang berkenaan dengan mengisi **Borang Permohonan Cuti Rehat Khas Guru KAFA (JAKIM(PKAFA)/CRK/007)**. CRK yang tidak dihabiskan pada tahun semasa tidak boleh dibawa ke tahun yang berikutnya;
